

**KHUTBAH JUMAAT**  
**“MENJELANG SYA’ABAN”**  
**(19 Mac 2021M/ 5 Sya’aban 1442H)**

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا  
بِالتَّقْوَى وَالْحُلُقِ الْكَرِيمِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ  
فَارَ الْمُتَّقُونَ.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat. Marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk :  
**‘Menjelang Sya’ban.’**

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Sekarang kita telah berada di bulan Sya’ban. Bulan Sya’ban ini merupakan madrasah untuk mempersiapkan diri kita sebelum melangkah masuk ke gerbang Ramadan. Oleh itu, marilah kita mengambil manfaat daripada kelebihan tersebut dan tidak membiarkannya berlalu begitu sahaja.

Marilah kita memperbaiki hubungan dengan Allah *subhanahu wa ta'ala* dengan bermunajat kepada-Nya dan terus mendekatkan diri kita dengan Allah *subhanahu wa ta'ala*. Tiada contoh yang lebih indah selain daripada kita meneliti dan menghidupkan amalan-amalan yang pernah dilaksanakan oleh Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* pada bulan yang mulia ini.

Dalam sepotong hadis yang diriwayatkan oleh Imam an-Nasa'i *rahimahullah* daripada Usamah bin Zaid *radhiallahu 'anhu*, beliau pernah berkata:

*“Aku bertanya kepada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam: Wahai Rasulullah! Aku tidak pernah melihat kamu berpuasa dalam satu bulan berbanding bulan-bulan lain seperti kamu berpuasa dari sebahagian bulan Sya’ban.” Baginda bersabda: “Itulah bulan yang manusia melupakannya antara bulan Rejab dan Ramadan, iaitu bulan yang diangkat amalan-amalan kepada Allah, Tuhan Semesta Alam. Oleh itu, aku suka supaya amalanku diangkat ketika aku sedang berpuasa.”*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Sesungguhnya, ibadah merupakan pengukuh hubungan seorang hamba dengan Penciptanya. Kita perlu sedar bahawa Islam bukan hanya menitikberatkan aspek pembangunan fizikal dan mental seseorang, bahkan ia juga amat mementingkan aspek kesejahteraan rohani kita. Untuk mencapai kesejahteraan rohani itu dengan

sebenarnya adalah melalui penghayatan kita pada ibadah yang dilakukan. Firman Allah di dalam Surah ar-Ra'd, ayat 28:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

**Maksudnya:** “(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah. Ketahuilah! Dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia.”

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Bagi melaksanakan ibadah, kita perlu kepada sedikit pengorbanan. Apatah lagi, dengan kehidupan kita hari ini yang sentiasa berada dalam kesibukan, baik dengan tugas kerja atau sekolah, mahupun dengan kerja-kerja rumah dan menguruskan keluarga. Sebagai seorang muslim, kita perlu membuat perancangan masa yang bijak, agar kesibukan kita dengan urusan dunia, tidak menghalang hubungan kita dengan Allah *subhanahu wa ta'ala*.

Ini dapat dilakukan dengan menyusun pelan bertindak dengan sasaran masa yang tertentu, agar kita dapat mencapai matlamat yang telah kita tetapkan. Sebagai contoh, amalan-amalan yang biasanya kita hanya giatkan kekerapannya pada bulan Ramadan, bolehlah dimulakan dari sekarang secara beransur-ansur.

Contoh amalan yang mudah ialah membaca al-Quran. Jika dahulu kita mungkin hanya membaca satu halaman sahaja pada setiap hari atau mungkin tidak membacanya sama sekali, mengapa tidak kita

mulakannya pada hari ini dengan memperuntukkan masa-masa tertentu setiap hari dengan meningkatkan kekerapan bacaan kita dengan beberapa ayat lagi daripada ayat suci al-Quran. Selepas itu, peruntukkan sedikit masa lagi untuk kita merenung maksud dan pengajaran ayat-ayat yang kita baca.

Begitu juga dengan ibadah solat malam atau tahajjud. Jika kita hanya melakukan ibadah tersebut pada sepuluh terakhir bulan Ramadan yang lalu, mengapa tidak kita mula lakukan sekurang-kurangnya dua rakaat solat malam, dan didirikan sekurang-kurangnya sekali pada setiap hujung minggu kita bermula daripada bulan Sya'ban ini?

Malah, kita juga boleh mengambil peluang daripada kelebihan bulan Sya'ban ini dengan sekurang-kurangnya memperbanyakkan istighfar meminta pengampunan daripada Allah. Paling tidak dengan kita mengulanginya pada setiap kali selesai solat fardu.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita saling menggalakkan teman dan keluarga kita untuk sama-sama mempertingkatkan semangat menghidupkan bulan Sya'ban dengan amalan kebaikan. Ambillah kesempatan Sya'ban ini untuk mempersiapkan diri kita melangkah masuk ke bulan mulia, iaitu Ramadan.

Pada kesempatan ini juga, mimbar ingin mengingatkan kepada mereka yang mempunyai puasa Ramadan yang lalu yang belum lagi diqada', maka gunakanlah hari-hari yang berbaki dalam bulan Sya'ban ini untuk segera melaksanakan puasa-puasa qada' itu

sebelum tibanya bulan Ramadan pada tahun ini. Mudah-mudahan dengan demikian, kita bakal meraih keredhaan dan cinta Allah *subhanahu wa ta'ala*, serta tergolong di kalangan mereka yang berjaya di dunia dan di akhirat. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ.

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَمُوا فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١٣﴾

**Maksudnya:** "Sesungguhnya orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: "Tuhan kami ialah Allah", kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul (dengan pengakuan iman dan tauhidnya itu), maka tidak ada kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita." (Surah al-Ahqaf, ayat 13)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَخَدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،  
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ

وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan hati kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرْضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا لَهُمْ،  
وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ الْبَلَاءِ عَافِيَةً.  
اللَّهُمَّ ارْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ، وَعَافِهِمْ  
وَاعْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا أَتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ  
النَّارِ. آمِينَ، آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عِبَادَ اللَّهِ  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا  
اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.